



Headline: Beri maklumat perbankan, wang RM44,000 Language: Malay
lesap

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 21 December 2021

Section: Nasional
Page: 19

Beri maklumat perbankan, wang RM44,000 lesap

Kepala Batas: Seorang pekerja swasta kerugian RM44,000 dalam sekelip mata, selepas diperdaya sindiket penipuan panggilan telefon yang menyamar sebagai penjawat awam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Mohd Radzi Ahmad, berkata wanita itu tertipu selepas memberikan maklumat perbankan akaun simpanannya.

Beliau berkata, polis menerima laporan daripada mangsa wanita berusia 27 tahun berhubung insiden menimpunya kelmarin.

Katanya, mangsa memaklumkan dia menerima panggilan telefon daripada individu yang mendakwa sebagai pegawai kesihatan.

“Pegawai itu memaklumkan bahawa mangsa telah mengambil ubat di sebuah klinik kesihatan awam secara berlebihan iaitu sebanyak 16 kali bagi tempoh November hingga Disember 2021.

“Bagaimanapun, mangsa menafikan dakwaan itu sebelum panggilannya disambungkan

kepada individu lain yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Yong dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh untuk tujuan siasatan.

“Inspektor Yong kemudian mengatakan mangsa terbabit dengan kes jenayah komersial dan turut terbabit dengan aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM2.7 juta,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mohd Radzi berkata, mangsa turut diarahkan memberikan maklumat perbankan akaun miliknya untuk tujuan semakan sebelum tindakan untuk membekukan akaun mangsa.

“Selepas menyerahkan maklumat perbankan, mangsa mendapati wang simpanan berjumlah RM44,000 telah dipindahkan ke akaun lain yang tidak diketahui,” katanya.

Beliau berkata, polis sudah membuka kertas siasatan bagi menyiasat kes itu mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



Mohd Radzi Ahmad